

Jenis Akhbar : Utusan Online
Tarikh : 22/12/2017
Edisi / Muka Surat : www.utusan.com.my

Angkasa dan Pos Malaysia meterai MoU



Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah (dua kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif POS Malaysia, Datuk Mohd Shukrie Mohd Salleh (dua kiri) bertukar dokumen perjanjian persefahaman (MoU). Turut hadir, Naib Presiden ANGKASA, Azmi Omaruddin (kanan) dan Ketua Pegawai Komersial Kumpulan POS Malaysia, Nor Azizan Tarja (kiri). - UTUSAN ONLINE/NASIRRUDDIN YAZID

Nur Izzati Izzah Nadzi

22 Disember 2017 6:10 PM

KUALA LUMPUR 22 Dis. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia), hari ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, melalui jalinan kerjasama itu, ia bakal dimanfaatkan oleh gerakan koperasi.

"Kerjasama ini bertepatan bagi mempromosi dan mengukuhkan sektor koperasi dan memberi kelebihan kepada ahli-ahli Angkasa dan Pos Malaysia.

"Sehubungan dengan itu, Pos Malaysia akan berfungsi sebagai ejen rujukan pendaftaran keahlian bagi koperasi-koperasi dan pembayaran untuk pembiayaan kewangan oleh ahli-ahli koperasi boleh dibuat di mana-mana cawangan pejabat pos," katanya kepada pemberita ketika sidang akhbar, dekat sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Pos Malaysia, Datuk Mohd. Shukrie Mohd. Salleh dan Naib Presiden Angkasa, Azmi Omaruddin.

Abdul Fattah berkata, koperasi juga akan bertindak sebagai ejen pos mini yang bakal memberi pendapatan sampingan kepada koperasi dan mengoptimumkan penggunaan ruang di seluruh pejabat pos untuk memperluaskan aktiviti perniagaan koperasi. - UTUSAN ONLINE